



UKM-SPKPPP-PT(P02)-JANA-AK02- L02

No. Semakan: 00

Tarikh Kkuatkuasa: 01/01/2023

FORMAT DOKUMEN BIDAAN PENJANAAN

TARIKH : 23 OKTOBER 2023
NO. BIDAAN PENJANAAN : UKM.FTM.200-4/4/1
TAJUK BIDAAN : BIDAAN PENJANAAN BAGI MENJALANKAN DAN MENGURUSKAN PERKHIDMATAN KAFETERIA DI FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT (FTSM) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) BANGI

Bidaan Penjanaan adalah dipelawa kepada **Syarikat berkelayakan** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam pengkhususan yang berkaitan memberi tawaran kerja berikut:

SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN BIDAAN PENJANAAN	TARIKH BUKA BIDAAN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN MASA AKHIR BELI DOKUMEN BIDAAN	TARIKH DAN MASA TUTUP BIDAAN
Kod Bidang 040101 – Makanan Dan Bahan Mentah Kering/Basah / 040102 – Makanan dan Minuman (tin,botol dan bungkus) / 040103 - Makanan Bermasak (Islam)	RM30.00 senaskah Dijual dalam bentuk salinan lembut	23 Oktober 2023 (Isnin)	30 Oktober 2023 (Isnin) 10.00 pagi Berkumpul di Kafeteria Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM), UKM Bangi	6 November 2023 (Isnin) Sebelum 5:00 petang mengikut jam di Pejabat Pusat Pengurusan Penjanaan UKM (JANA@UKM)	7 November 2023 (Selasa) Sebelum 12:00 Tengahari mengikut jam di Pejabat Pusat Pengurusan Penjanaan UKM (JANA@UKM)

Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan perlu dihadiri oleh **PEMILIK SYARIKAT ATAU WAKIL**. Untuk maksud ini, sila bawa **dokumen asal dan satu (1) salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat dan dokumen pengenalan diri** semasa menghadiri lawatan tapak.

3. Pembida hendaklah membawa sijil asal **Perakuan Pendaftaran Syarikat**, dan **satu salinan** bagi setiap sijil tersebut semasa mendapatkan dokumen Bidaan Penjanaan. Jika tidak dapat hadir sendiri, wakil syarikat hendaklah membawa surat pengesahan sebagai wakil yang ditauliahkan. Dimaklumkan hanya syarikat yang hadir pada sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja yang layak membeli Dokumen Bidaan Penjanaan dan menyertai proses bidaan penjanaan ini.

4. Tempoh sahlaku Bidaan Penjanaan adalah selama sembilan puluh (90 hari) selepas tarikh tutup bidaan tersebut. Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian.

5. Dokumen Bidaan Penjanaan yang sempurna diisi termasuk segala dokumen yang diperlukan (jika berkenaan) hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang dilable seperti tajuk bidaan di atas merangkumi satu (1) salinan keras (hardcopy) dan satu (1) salinan lembut (soft copy) melalui serahan pemacu pen (pendrive) ke:

**Peti Sebutharga, Jabatan Bendahari
Aras 1, Bangunan Canselori,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor**

6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai notis ini boleh hubungi Pn. Mas Nurul Amirah Abdul Malek / Pn. Hafizatul Amirah Hilmi di alamat emel: mnamirah@ukm.edu.my / hafizatulamirah@ukm.edu.my

Sekian, terima kasih.

SUHAIDA ABD RAHMAN
Ketua Pentadbiran
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM)